



**PERUTUSAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**



**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Saya merasa amat bersyukur kepada Allah s.w.t yang telah memberi limpah kurniaNya sehingga Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Klian Intan, Daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan telah dapat disempurnakan. Sehubungan dengan ini saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa adalah merupakan pendekatan Halacra Baru di dalam pembangunan luar bandar melalui pemodenan dan penyusunan semula kampung-kampung secara tersusun dan terancang sebagaimana yang disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri melalui Surat Pekeliling Perdana Menteri bertarikh 10 September 1984.

Pusat Pertumbuhan Desa ini haruslah dilihat sebagai satu perancangan jangka panjang dan boleh berfungsi untuk memangkinkan pembangunan di kawasan persekitarannya agar hasrat kerajaan dapat dicapai dan memenuhi aspirasi rakyat. Adalah diharapkan PPD ini akan menjadi satu contoh projek pembangunan luar bandar yang berjaya untuk Daerah Hulu Perak dan Negeri Perak keseluruhannya.

Sekian, terima kasih

APB 949120

'18 AUG 1998

**NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

**HELETO' HELMI BIN MOHD. NOOR)**  
DSDK, JSM, AMK, KMN.



**PERUTUSAN  
KETUA PENGARAH  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
SEMENANJUNG MALAYSIA**



**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah s.w.t dengan limpah kurniaNya JPBD Semenanjung Malaysia telah dapat menyempurnakan sebuah lagi Laporan Akhir Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Klian Intan, Daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah memberi kepercayaan penuh kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk menjalankan kajian ini.

Pusat Pertumbuhan Desa merupakan pusat petempatan yang terkecil sekali didalam hierarki petempatan di Malaysia. PPD Klian Intan ini akan menjadi pusat perkhidmatan dan kawasan penempatan untuk peneroka-peneroka FELCRA, peserta-peserta PPRT dan kampung-kampung rangkaian di sekitarnya.

Bagi menggalakkan pembangunan ekonomi kawasan ini beberapa industri kecil sederhana (IKS) telah dicadangkan iaitu industri perabut berasaskan rotan, kayu dan buluh, dan perusahaan membuat batu blok. Industri luar bandar ini bukan sahaja dapat melahirkan usahawan-usahawan tempatan malah menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk PPRT, peneroka-peneroka FELCRA dan penduduk-penduduk kampung rangkaian yang akan menetap di Pusat Pertumbuhan Desa ini.

Oleh itu, PPD dijangka akan dapat menjadi penggerak pembangunan kepada kawasan sekitarnya dan seterusnya menjadi daya tarikan untuk penduduk menetap di sini. Kesemuanya bergantung kepada projek-projek pembangunan yang akan mempengaruhi pertumbuhan asas ekonomi pusat ini dan daerah keseluruhannya.

Sekian, terima kasih

**(DATU) PROF. ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD)**  
DPMT, JSM, SMT, KMN, ASK.

## SENRAI ISI KANDUNGAN

## MUKASURAT

1.0	PENDAHULUAN	1 - 1
1.1.	PENGENALAN	1 - 1
1.2	LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	1 - 2
1.2.1	Lokasi Kawasan Kajian	1 - 2
1.2.2	Strategi Pembangunan PPD Klian Intan	1 - 4
1.2.3	Pendekatan Perlaksanaan Pembangunan PPD Klian Intan	1 - 4
1.3	MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN	1 - 5
1.3.1	Matlamat Kajian	1 - 5
1.3.2	Objektif Kajian	1 - 5
1.4	DEFINISI PUSAT PERTUMBUHAN DESA	1 - 5
1.5	METODOLOGI KAJIAN	1 - 6
1.5.1	Peringkat kajian	1 - 6
1.5.2	Bidang Kajian	1 - 9
2.0	ANALISIS KEADAAN SEMASA	2 - 1
2.1	RANGKA KERJA WILAYAH	2 - 1
2.1.1	Dasar Pembangunan Negeri dan Daerah	2 - 1
2.1.2	Pusat-Pusat Petempatan Utama	2 - 2
2.1.3	Pusat Pertumbuhan Desa	2 - 2
2.1.4	Sistem Perhubungan	2 - 2
2.2	FIZIKAL DAN GUNATANAH	2 - 4
2.2.1	Bentuk Rupabumi	2 - 4
2.2.2	Sistem Saliran	2 - 4
2.2.3	Gunatanah	2 - 4
2.2.4	Hakmilik Tanah	2 - 4
2.3	PENDUDUK	2 - 4
2.3.1	Jumlah Penduduk	2 - 4
2.3.2	Penduduk Kawasan Kajian	2 - 7
2.3.3	Kadar Pertumbuhan Penduduk	2 - 7
2.3.4	Struktur Umur	2 - 7

2.4	ASAS EKONOMI	2 - 8
2.4.1	Profil Ekonomi Daerah Hulu Perak	2 - 8
2.4.2	Profil Ekonomi Kawasan Kajian	2 - 9
2.4.3	Perusahaan Luar Bandar	2 - 11
2.5	UTILITI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	2 - 14
2.5.1	Utiliti	2 - 14
2.5.2	Kemudahan Masyarakat	2 - 14
2.6	PERSEPSI PENDUDUK	2 - 16
2.6.1	Persetujuan Berpindah	2 - 16
2.6.2	Penggunaan Tapak Kampung Sedia Ada	2 - 16
<b>3.0</b>	<b>UNJURAN</b>	<b>3 - 1</b>
3.1	UNJURAN JUMLAH PENDUDUK	3 - 1
3.2	UNJURAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	3 - 1
3.2.1	Kemudahan Pelajaran	3 - 1
3.2.2	Kemudahan Kesihatan	3 - 2
3.2.3	Kemudahan Masjid	3 - 2
3.2.4	Lain-lain Kemudahan Masyarakat	3 - 2
<b>4.0</b>	<b>ISU DAN POTENSI</b>	<b>4 - 1</b>
4.1	ISU	4 - 1
4.2	POTENSI	4 - 2
<b>5.0</b>	<b>CADANGAN PEMBANGUNAN</b>	<b>5 - 1</b>
5.1	STRATEGI PEMBANGUNAN	5 - 1
5.1.1	Pembangunan Pertanian	5 - 1
5.1.2	Pembangunan Perusahaan (Industri Kecil dan Sederhana)	5 - 1
5.1.3	Pembangunan Sosial/Infrastruktur	5 - 2
5.2	KONSEP PEMBANGUNAN	5 - 2
5.2.1	Konsep Pembangunan Makro	5 - 2
5.2.2	Konsep Pembangunan PPD Klian Intan (Makro)	5 - 5

5.3	CADANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PROJEK PRIORITI	5 - 5
5.3.1	Strategi Pembangunan Pertanian	5 - 5
5.3.2	Strategi Perusahaan Luar Bandar	5 - 9
5.3.3	Strategi Pembangunan Sosial/Infrastruktur	5 - 10
5.3.4	Projek Prioriti	5 - 15
5.4	FASA PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN	5 - 18
5.5	PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN PPD	5 - 21
5.5.1	Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Pembangunan PPD	5 - 21
5.5.2	Agensi Pelaksana	5 - 22
5.5.3	Anggaran Kos Pembangunan	5 - 23
6.0	PENUTUP	6 - 1

**Senarai Rajah**

Rajah 1:	Pelan Lokasi Kawasan Kajian	1 - 3
Rajah 2:	Metodologi Kajian	1 - 7
Rajah 3:	Cadangan Hierarki Petempatan	2 - 3
Rajah 4:	Gunatanah Pertanian	2 - 5
Rajah 5:	Hakmilik Tanah	2 - 6
Rajah 6:	Rancangan Pembangunan Pertanian	2 - 10
Rajah 7:	Kemudahan Masyarakat	2 - 15
Rajah 8:	Konsep Pembangunan Makro	5 - 3
Rajah 9:	Konsep Pembangunan PPD	5 - 6
Rajah 10:	Pelan Indikatif Cadangan Pembangunan	5 - 7
Rajah 11:	Pelan Pembangunan PPD Klian Intan	5 - 14
Rajah 12:	Fasa Pembangunan PPD Klian Intan	5 - 20

## Senarai Jadual

Jadual 1:	Bilangan Penduduk Mengikut JKKK, 1991	2 - 7
Jadual 2:	Bilangan Penduduk Mukim Pengkalan Hulu Mengikut Kumpulan Etnik, 1980	2 - 8
Jadual 3:	Pekerjaan Utama Penduduk Mengikut Kampung	2 - 9
Jadual 4:	Jumlah Pendapatan Isirumah Mengikut Kampung	2 - 11
Jadual 5:	Jenis Dan Pemilikan Perusahaan Luar Bandar Di Kawasan Kajian	2 - 12
Jadual 6:	Jumlah Pekerja Dan Pendapatan Pengusaha Perusahaan Luar Bandar	2 - 12
Jadual 7:	Kemudahan Masyarakat Mukim Pengkalan Hulu, 1992	2 - 14
Jadual 8:	Unjuran Jumlah Penduduk Mukim Pengkalan Hulu 1995 - 2005	3 - 1
Jadual 9:	Unjuran Kemudahan Masyarakat PPD Klian Intan 1995 - 2005	3 - 2
Jadual 10:	Pelan Pembangunan PPD Klian Intan	5 - 13
Jadual 11:	Pengeluaran Penyungkil Gigi Dan Chopstick	5 - 15
Jadual 12:	Anggaran Jualan Tahunan	5 - 16
Jadual 13:	Fasa Pembangunan PPD Klian Intan	5 - 18
Jadual 14:	Perlaksanaan Pembangunan PPD Klian Intan	5 - 22
Jadual 15:	Anggaran Kos Pembangunan PPD Klian Intan	5 - 24

## 1.0 PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Pembangunan yang pesat di bandar-bandar seluruh Semenanjung Malaysia menjelang tahun 80an telah meningkatkan kadar penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar dengan giatnya. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidak seimbangan pembangunan di sesetengah kawasan terutamanya kawasan petempatan pertanian. Serentak dengan pembangunan perindustrian dan permodenan sektor-sektor tertentu, penumpuan tenaga kerja terutamanya golongan muda lebih tertumpu ke sektor perkhidmatan atau pembuatan yang mana menyebabkan sektor pertanian menjadi kurang menarik dan agak lembab perkembangannya.

Keadaan yang berlaku ini perlu dibendung dan selaras dengan itu satu pendekatan Halacara Baru telah diperkenalkan pada tahun 1984. Beberapa projek perintis telah diusahakan oleh berbagai agensi kerajaan seperti FELCRA, KEDA, RISDA dan lain-lain.

Lanjutan daripada usaha ini juga, pihak KPLB melalui JPBD Semenanjung Malaysia telah menjalankan Kajian Pelan Induk Pembangunan Kampung Tradisi yang bertujuan bagi mengenal pasti Pusat Pertumbuhan Desa (PPD).

Kampung Kuak Hulu telah dipilih oleh Kerajaan Negeri Perak untuk dimajukan sebagai PPD yang merupakan peringkat ketujuh di dalam susunan hierarki nasional. Berdasarkan kepada corak pembangunan semasa yang mana pertanian merupakan aktiviti utama penduduk, adalah diharap dengan penyediaan pelan pembangunan yang akan mengambilkira faktor sosio-ekonomi, fizikal dan persekitaran, pembangunan kawasan berkaitan dapat dipertingkat dan dipergiatkan.

Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan yang diadakan pada 19hb. Januari 1995 yang lepas, pengerusi mesyuarat telah membuat keputusan supaya tapak cadangan PPD yang diterangkan di dalam laporan ini digantikan dengan tapak lain.

Faktor pemilihan tapak lain adalah berdasarkan kepada perkara berikut:-

- (i) Kos pembangunan tapak cadangan adalah terlalu mahal
- (ii) Keadaan topografi yang curam, dan
- (iii) Lokasinya agak jauh daripada bandar Pengkalan Hulu untuk tujuan pelaburan di dalam perindustrian dan perdagangan.

Mesyuarat telah mencadangkan tiga (3) alternatif tapak mengikut keutamaan untuk pembangunan PPD iaitu:-

- (i) Kampung Simpang Pulai (lebih kurang 1 km daripada bandar Pengkalan Hulu)
- (ii) Pusat Perkhidmatan Felda Leping Nenering



- (iii) Kampung Kuak Hulu (kampung asal).

Walaupun bagaimanapun, laporan ini tidak akan menerangkan terperinci 3 alternatif tapak tersebut disebabkan tiada peruntukan yang mencukupi. Namun begitu, kebaikan dan keburukan (pro dan kontra) ketiga-tiga tapak alternatif akan dinyatakan dengan ringkas di Bab 6.0 (Bahagian Penutup).

## 1.2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian PPD Klian Intan kali pertama pada 25 Ogos 1992 di Pejabat Daerah Pengkalan Hulu, telah bersetuju dan memutuskan untuk mengenalpasti satu tapak baru untuk pembangunan PPD oleh kerana terdapat beberapa halangan di lokasi Kampung Kuak Hulu.

### 1.2.1 Lokasi Kawasan Kajian

Kampung Kuak Hulu adalah merupakan salah sebuah perkampungan tradisi yang terletak di dalam Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak. Kampung ini terletak kira-kira 5 kilometer dari Pekan Pengkalan Hulu dan 39 kilometer dari Bandar Gerik (Rujuk Rajah 1)

Enam (6) kampung rangkaian iaitu Kampung Kuak Hulu, Kampung Kuak Luar, Kampung Air Panas, Kampung Selarong, Kampung Simpang Pulai dan Kampung Klian Intan yang meliputi seluruh Mukim Pengkalan Hulu adalah terlibat di dalam kajian ini.

#### 1. Tapak Asal


Cadangan Pembangunan Kampung Kuak Hulu adalah mengikut 'Model Tarikan' di mana mencadangkan pengumpulan dan penempatan semula penduduk-penduduk dari kampung sedia ada ke satu pusat pertumbuhan baru yang dibangunkan di tanah kerajaan yang belum dibangunkan.

Fakta-fakta yang mengarah kepada pemilihan tapak baru adalah seperti berikut:-

- i. Kampung sedia ada yang terpencil adalah terletak di dalam rizab tadahan air iaitu salah satu sumber bekalan air bagi Negeri Perak. Sekiranya pembangunan perusahaan dijalankan di kampung ini, pencemaran sumber bekalan air akan berlaku.
- ii. Kampung sedia ada mempunyai topografi yang tinggi dan curam dan tidak terdapat kawasan yang landai dan 'accessible' untuk pembangunan PPD.

#### 2. Tapak Cadangan PPD

PPD Klian Intan akan dibangunkan sebagai PPD di satu tapak baru berdasarkan konsep halacara baru mengikut beberapa faktor iaitu:-



RAJAH 1

PELAN LOKASI KAWASAN KAJIAN

PETUNJUK

- |  |                     |  |  |
|--|---------------------|--|--|
|  | TAPAK ASAL KAMPUNG  |  | KAWASAN TADAH AIR                        |
|  | CADANGAN TAPAK PPD  |  | PUSAT PENTADBIRAN                        |
|  | FELCA LEPING NENING |  | SEMPADAN KAWASAN KAJIAN                  |
|  | FELCA BUKIT BULUH   |  | CADANGAN JALAN KLIAN INTAN-LEPANG NENING |
|  | TAPAK ALTERNATIF    |  |  |



TIDAK MENGIKUT SKALA

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KLIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
CAWANGAN TERENGAN, SEMERANG-JUJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- i. Tapak cadangan PPD ini adalah di dalam kawasan yang berpotensi untuk pembangunan di mana lokasinya di persimpangan jalan utama Kroh-Klian Intan dan cadangan jalan Klian Intan-Lepang Nenering akan menentukan 'accessibility' ke PPD.
- ii. Tanah hak milik tapak cadangan PPD ini adalah hakmilik kerajaan dengan ini ia boleh mengelakkan kesukaran proses pengambilan balik tanah supaya dapat melicinkan pembangunan tapak baru.
- iii. Pembangunan Rancangan Felcra Bukit Buluh dan Felcra Lepang Nenering sedia ada yang berhampiran akan menyokong pembangunan PPD mengikut pendekatan halacara baru terutama mengenai aspek pengurusan perladangan.
- iv. Pembiayaan kos penempatan semula penduduk ke tapak PPD boleh mendapat faedah sampingan dari sumber peruntukan program KESBAN (Kawasan Keselamatan Antarabangsa), disebabkan kedudukannya di dalam kawasan KESBAN.

### 1.2.2 Strategi Pembangunan PPD Klian Intan

Untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat, strategi pembangunan PPD Klian Intan adalah selaras untuk menempatkan 26 keluarga termiskin dari kawasan kajian ke tapak PPD di bawah projek Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), telah diprogramkan untuk dilaksanakan di tapak PPD.

PPD Klian Intan akan dibangunkan di satu tapak baru untuk memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk PPD, penduduk kawasan Rancangan FELCRA, FELDA dan kampung berhampiran dan juga penduduk dari enam (6) kampung rangkaian selaras dengan fungsinya sebagai satu Pusat Perkhidmatan di Mukim Pengkalan Hulu.

### 1.2.3 Pendekatan Pelaksanaan Pembangunan PPD Kuak Hulu

PPD Klian Intan yang akan dibangunkan adalah selaras dengan pendekatan bagi mewujudkan pembangunan petempatan yang mampan (sustainable development) di mana mementingkan alam persekitaran semulajadi di dalam penyediaan kemudahan tempat tinggal, tempat bekerja dan tempat berekreasi.

Oleh itu kejayaan pelaksanaan PPD Klian Intan adalah bergantung kepada komitmen bersama dari kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan di dalam pembiayaan kos pembangunan yang akan ditanggung hasil proses penempatan semula penduduk ke tapak PPD dari Kampung Kuak Hulu.

### 1.3 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

#### 1.3.1 Matlamat Kajian

Matlamat kajian adalah untuk menyediakan satu Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa bagi Mukim Pengkalan Hulu selaras dengan hasrat kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berasaskan pendekatan 'halacara baru' di mana merangkumi 3 aspek iaitu:

- i. Pengurusan perladangan bagi pekebun-pekebun kecil dan bendang.
- ii. Mewujudkan industri luar bandar dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian.
- iii. Pengelompokan dan pengumpulan semula kampung-kampung secara teratur di mana perlu, untuk membangunkan Pusat Pertumbuhan Desa.

#### 1.3.2 Objektif Kajian

- i. Menggariskan strategi dan cadangan-cadangan pembangunan pertanian, industri luar bandar, kemudahan serta perkhidmatan awam dan pembangunan kemasyarakatan untuk memajukan kesemua kampung-kampung tradisi yang terlibat dengan pembangunan PPD.
- ii. Menyediakan Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Klian Intan serta menggariskan strategi dan cadangan-cadangan perancangan dan gunatanah untuk pelaksanaan.
- iii. Menggariskan strategi dan cadangan organisasi untuk memajukan PPD.

### DEFINISI PUSAT PERTUMBUHAN DESA

Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) merupakan istilah baru yang digunakan bagi proses petempatan yang terkecil sekali di dalam hierarki petempatan di Malaysia. Ia dipilih sama ada dari kampung-kampung yang sedia ada atau tapak baru yang dikenalpasti sesuai untuk dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan baru.

PPD akan berfungsi sebagai pusat perkhidmatan kepada kampung-kampung rangkaiannya di mana kemudahan-kemudahan masyarakat dan infrastruktur akan ditempatkan supaya dapat menampung sekurang-kurangnya 2,500 orang penduduk. Ia harus mempunyai kemudahan-kemudahan seperti sebuah sekolah rendah, perusahaan luar bandar, kedai, pasar, klinik, masjid, telefon awam, balai raya, tadika, bekalan air, bekalan elektrik, jalanraya dan kurang mempunyai halangan fizikal.

## 1.5 METODOLOGI KAJIAN

Berpendukan garis panduan penyediaan Pelan Pembangunan PPD, proses dan metodologi bagi Kajian PPD Klian Intan meliputi 4 peringkat utama: (Rujuk Rajah 2).

### 1.5.1 Peringkat Kajian

#### Peringkat 1: Pengenalan Awal

Di antara aktiviti-aktiviti yang terlibat:

- i. Penyediaan pelan/peta asas dan perolehan peta ukur dan gambar udara bagi kawasan kajian.
- ii. Meneliti latar belakang PPD Klian Intan dan kampung-kampung rangkaiannya.
- iii. Mengenalpasti strategi-strategi atau cadangan-cadangan dari agensi-agensi kerajaan yang mempunyai implikasi ke atas pembangunan kawasan kajian.
- iv. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja.
- v. Penerangan dan kempen kepada penduduk-penduduk terlibat mengenai polisi-polisi kerajaan di dalam pembangunan luar-bandar dan konsep halacara baru yang ingin dilaksanakan di dalam kajian ini. Penerangan ini menekankan proses perancangan supaya penduduk terlibat dapat mengikuti, memahami dan merasai perkembangan perancangan dan pelaksanaan pembangunan kampung.

#### Peringkat 2: Pengumpulan Data dan Analisis

Peringkat kedua merupakan peringkat pengumpulan data/maklumat utama dan sekunder. Di peringkat ini juga, data/maklumat ini dianalisis untuk mendapatkan rumusan terhadap kajian-kajian sektor.


Sektor kajian yang terlibat meliputi:

- i. Gunatanah
- ii. Demografi
- iii. Asas Ekonomi dan Perusahaan Luar Bandar
- iv. Petempatan
- v. Utiliti
- vi. Kemudahan Masyarakat

Di antara aktiviti-aktiviti yang terlibat meliputi:

- i. Mengenalpasti keperluan data utama dan sekunder bagi sektor-sektor berkaitan.

## RAJAH 2 : METODOLOGI KAJIAN



Input Pakarunding

- ii. Kajiselidik ke atas aspek-aspek semasa terutamanya yang berkaitan dengan keadaan sosio-ekonomi, fizikal dan pembangunan infrastruktur.
- iii. Pengumpulan data-data sekunder yang diperlukan daripada jabatan/agensi yang berkaitan.
- iv. Mengamati dan menganalisis data/maklumat yang telah dikumpul secara kritikal sebagai asas rumusan dan pembentukan strategi pembangunan.

### **Peringkat 3: Rumusan Analisis- Isu, Potensi dan Halangan**

Pada peringkat ketiga, rumusan hasil daripada analisis di peringkat kedua dibuat.

Di antara aktiviti-aktiviti yang terlibat meliputi:

- i. Menenalpasti isu, potensi dan halangan pembangunan.
- ii. Membuat unjuran bagi sektor-sektor kajian yang berkenaan.
- iii. Cadangan am yang sesuai dikemukakan untuk pembangunan PPD.

### **Peringkat 4: Cadangan Pembangunan dan Perlaksanaan**

Peringkat keempat ini merupakan peringkat terakhir di mana konsep, cadangan dan strategi pembangunan dirumuskan dan proses perlaksanaan dilakukan.

Di antara aktiviti-aktiviti yang terlibat meliputi:

#### **i. Cadangan Pembangunan.**

- a. Menyediakan konsep cadangan pembangunan yang menunjukkan tujuarah pembangunan masa hadapan PPD Klian Intan. Pelan Pembangunan ini merangkumi gunatanah, ekonomi, kemudahan masyarakat dan utiliti.
- b. Mengemukakan cadangan-cadangan yang sesuai untuk pembangunan pertanian seperti pembangunan secara bersepadu dan perusahaan luar bandar berasaskan pertanian.
- c. Mencadangkan projek-projek yang dapat meningkatkan pendapatan dan pengeluaran hasil pertanian penduduk setempat.

- d. Mencadangkan organisasi yang sesuai bagi mengurus, mengawas dan melaksanakan projek-projek yang telah dicadangkan.

## ii. Pelaksanaan

Di peringkat ini, organisasi yang telah dicadangkan akan melaksanakan cadangan-cadangan pembangunan PPD berpandukan garispanduan berikut:

- a. Menyatakan objektif, tujuarah, cadangan program/projek, bantuan dan seterusnya pengawasan dan pengawalan pelaksanaan. Selain daripada itu, anggaran kos dan tempoh program pelaksanaan juga perlu disediakan.
- b. Mewujudkan kerjasama di antara institusi-institusi kampung, mukim serta jabatan-jabatan negeri dan daerah di dalam menjayakan sesuatu projek.
- c. Mengadakan proses pengesanan dan penilaian sebagai susulan bagi menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu projek. Perkara yang diberi perhatian ialah:
  - i. Mengukur prestasi serta kos perbelanjaan dan pencapaian fizikal.
  - ii. Mengesan masalah-masalah pelaksanaan dan cara-cara mengatasinya.
  - iii. Mengesan kesesuaian projek dan pendekatan pelaksanaan.
  - iv. Meneliti penglibatan agensi-agensy yang berkenaan.
  - v. Mengukur kefahaman dan penerimaan penduduk.

Program pembangunan PPD yang digariskan ini dijangka akan dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam jangkamasa 10 tahun.

## 1.5.2 Bidang Kajian

### Bidang Kajian Pasukan Kajian

Bidang kajian PPD yang akan dikaji secara menyeluruh oleh Pasukan Kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji dan menganalisis strategi pembangunan negeri dan wilayah serta projek-projek yang telah dikenalpasti oleh berbagai pihak dari segi perkaitan dan implikasinya terhadap pembangunan PPD Klian Intan.
- ii. Menganalisis profil demografi, ciri-ciri sosio-ekonomi, taraf ekonomi penduduk, persepsi dan penerimaan penduduk untuk menjayakan pembangunan PPD tersebut.



- iii. Mengenalpasti dan menilai sumber-sumber semulajadi di kawasan PPD dan kampung-kampung rangkaian yang boleh dieksploitasi khusus untuk pembangunan pertanian dan industri luar bandar.
- iv. Mengkaji pengaruh kampung-kampung gugusan serta pekan dan bandar berhampiran ke atas PPD Klian Intan.
- v. Mengkaji ciri-ciri fizikal dan gunatanah kawasan PPD dan kampung-kampung rangkaian untuk dijadikan asas di dalam penyediaan pelan tatatur dan cadangan program bagi PPD Klian Intan.
- vi. Mengkaji potensi dan kemampuan PPD Klian Intan untuk berfungsi sebagai Pusat Tempatan Kecil.

### **Bidang Kajian Pakarunding**

Bidang kajian pakarunding adalah seperti berikut:

- i. Dalam mengenalpasti projek-projek ekonomi, pakarunding perlu mengkaji projek-projek berasaskan sumber tempatan termasuk tenaga kerja di kawasan kajian serta mengenalpasti industri-industri kecil dan sederhana (IKS) dan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan usahawan-usahawan tempatan.
- ii. Membuat anggaran 'cash-flow' dan 'Internal Rate of Return' bagi projek-projek prioriti tersebut.
- iii. Menilai halangan dan potensi daerah dan kawasan kajian bagi menggiatkan pertumbuhan ekonomi.
- iv. Mengenalpasti dan menilai sekurang-kurangnya 3 senario ekonomi masa hadapan (iaitu profail pertumbuhan tinggi, sederhana dan rendah) bagi mengukuhkan dan mempelbagaikan struktur ekonomi daerah dan kawasan kajian selaras dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Pembangunan Luar Bandar, Kajian Pembangunan Wilayah dan Pengenaln Projek Negeri Perak Darul Ridzuan dan rancangan lain yang berkaitan.
- v. Mengunjur jumlah pekerjaan dan tenaga buruh bagi sektor ekonomi utama mukim.
- vi. Menganalisis dan mengunjur tahap dan corak agihan pendapatan isirumah, terutamanya golongan miskin dan termiskin bagi kawasan kajian bagi setiap 5 tahun sehingga tahun 2005. Sebagai tambahan, komponen ini hendaklah menilai kekesan strategi dan program masakini dalam membenters golongan termiskin di dalam daerah amnya dan mukim khususnya.

- vii. Mengkaji faedah-faedah dan implikasi ke atas pelaksanaan projek prioriti dari segi aspek sosial dan alam sekitar.
- vii. Mengenalpasti dan mengkaji aspek-aspek yang perlu diambilkira untuk menjamin kejayaan projek prioriti tersebut dari segi sumber semulajadi, sumber kewangan, tenaga kerja, infrastruktur, organisasi pelaksanaan dan membuat analisis ekonomi.

## 2.0 ANALISIS KEADAAN SEMASA

---

### 2.1 RANGKAKERJA WILAYAH

#### 2.1.1 Dasar Pembangunan Negeri dan Daerah

##### i. Dasar Pembangunan Negeri

- a. Meneruskan dan menekankan pembangunan di Ipoh dan di Lembah Kinta di samping menumpukan pembangunan di Pusat-Pusat Daerah dan Pusat-Pusat Tempatan Kecil.
- b. Pembangunan pesat di Ipoh akan menjadi nadi penggerak pembangunan sosio ekonomi yang berupaya untuk mendorong dan menggalakkan pembangunan di kawasan sekitarnya dan Negeri Perak khususnya.
- c. Menyalurkan pembangunan di sepanjang jajaran pembangunan (corridor development):
  - o. Ipoh - Taiping - Parit Buntar.
  - o. Ipoh - Batu Gajah - Sri Iskandar - Sri Manjung.
  - o. Ipoh - Kampar - Tapah - Teluk Intan.
- d. Mewujudkan lima peringkat hierarki petempatan bagi Pembangunan Perbandaran.

Tahap I	- Ibu Negeri/Bandaraya.
Tahap II	- Pusat Separa Wilayah.
Tahap III	- Pusat Petempatan Utama.
Tahap IV	- Pusat Tempatan Kecil.
Tahap V	- Pusat Pertumbuhan Desa.

##### ii. Dasar Pembangunan Daerah

- a. Membangunkan Grik sebagai Pusat Daerah selaras dengan fungsinya sebagai Pusat Pentadbiran Ekonomi Daerah.
- b. Memajukan Pengkalan Hulu sebagai pintu masuk dan keluar dari Negeri Perak ke Thailand disamping juga berfungsi sebagai Pusat Tempatan Kecil.

- b. Memajukan Pengkalan Hulu sebagai pintu masuk dan keluar dari Negeri Perak ke Thailand disamping juga berfungsi sebagai Pusat Tempatan Kecil.
- c. Mengekalkan Lenggong sebagai Pusat Tempatan Kecil untuk terus memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan separa wilayah.
- d. Membangun dan mempertingkatkan taraf petempatan kampung-kampung tradisi yang telah dikenalpasti sesuai sebagai Pusat Pertumbuhan Desa.

### 2.1.2 Pusat-Pusat Petempatan Utama

Bandar Grik adalah merupakan bandar utama di Daerah Hulu Perak di mana berfungsi sebagai pusat pentadbiran, perkhidmatan dan perniagaan bagi daerah ini.

Kajian Pembangunan Wilayah dan Pengenalan Projek Negeri Perak Darul Ridzuan mengenal pasti Bandar Grik dan Pengkalan Hulu sebagai Pusat Tempatan Kecil iaitu bersesuaian dengan fungsinya menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perbandaran (Rujuk Rajah 3).

Pengkalan Hulu lebih ketara peranannya sebagai pusat pentadbiran, perkhidmatan dan perniagaan bagi kawasan kajian iaitu seluruh Mukim Pengkalan Hulu.


### 2.1.3 Pusat Pertumbuhan Desa

Memandangkan Kampung Kuak Hulu adalah terletak di dalam kawasan tadahan air, PPD Klian Intan di Mukim Pengkalan Hulu telah dicadangkan untuk dibangunkan di tapak baru yang akan berfungsi sebagai Pusat Perkhidmatan di peringkat mukim.

### 2.1.4 Sistem Perhubungan

Kedudukan Pengkalan Hulu di tahap Pusat Petempatan Kecil memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan separa wilayah. Pengkalan Hulu yang bersempadan dengan Thailand mempunyai pengaruh ke atas potensi perkembangan PPD Klian Intan.

Sistem perhubungan yang terdapat menghubungkan kawasan kajian ke pekan-pekan utama di Daerah Hulu Perak iaitu Grik dan Lenggong serta juga dengan bandar-bandar lain di luar Daerah Hulu Perak seperti Pulau Pinang dan Sungai Petani.



**RAJAH 3**

**CADANGAN HIERARKI PETEMPATAN**

**PETUNJUK**

-  PUSAT PETEMPATAN UTAMA
-  PUSAT PETEMPATAN KECIL
-  PUSAT PERTUMBUHAN DESA



TIDAK MENGIKUT SKALA

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KLIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
CAWANGAN TENGAH, SEMENANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## 2.2 FIZIKAL DAN GUNATANAH

### 2.2.1 Bentuk Rupabumi

Dari segi topografi, mukim Pengkalan Hulu adalah kawasan yang tinggi dan berbukit bukau. Ini bermakna terdapat sedikit sahaja kawasan rendah yang sesuai untuk pembangunan di masa akan datang.

### 2.2.2 Sistem Saliran

Sungai Semangga di bahagian utara kawasan kajian merupakan saliran utama di kawasan ini, disamping Sungai Kuak dan Sungai Hitam yang mengalir di kawasan kajian. Sungai Semangga adalah merupakan sumber air yang utama di kawasan kajian.

### 2.2.3 Gunatanah

Gunatanah pertanian di Mukim Pengkalan Hulu meliputi kawasan seluas 4,845 hektar atau 63.7% daripada keseluruhan kawasan kajian. Getah merupakan tanaman utama di kawasan ini, iaitu seluas 4,009 hektar atau 83% daripada keluasan kawasan.

Terdapat kawasan petempatan di Pengkalan Hulu, termasuk 6 buah kampung utama, iaitu Kampung Kuak Hulu, Kampung Kuak Luar, Kampung Air Panas, Kampung Simpang Pulai, Kampung Selarong dan Kampung Baru Klian Intan. (Rujuk Rajah 4).

### 2.2.4 Hakmilik Tanah

Tanah bermilik meliputi kawasan seluas 5,260 hektar (13,022 ekar) atau 23.3% daripada keseluruhan kawasan kajian dan selebihnya 76.7% atau 17,379 hektar (43,018 ekar) terdiri dari tanah kerajaan (Rujuk Rajah 5).

## 2.3 PENDUDUK


### 2.3.1 Jumlah Penduduk

Penduduk Mukim Pengkalan Hulu pada tahun 1991 berjumlah 13,916 orang iaitu 17.1% daripada jumlah penduduk Daerah Hulu Perak yang berjumlah seramai 81,524 orang. Mukim Pengkalan Hulu adalah merupakan mukim yang ketiga besarnya dari segi jumlah penduduk bagi Daerah Hulu Perak.

RA

PET













RAJAH 4

## GUNATANAH PERTANIAN

## PETUNJUK


-  GETAH
-  PADI
-  HUTAN
-  PERKEBUNAN CAMPUR
-  KAWASAN PERBANDARAN
-  KAWASAN BARU DITERANG
-  SEMAK (KAWASAN TIDAK DIUSAHAKAN)
-  TASIK/LOMBONG



TIDAK MENGIKUT SKALA

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KLIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK



JABATAN PERANCANGAN SANDAR DAN DESA  
CAWANGAN TENGAH, SEMENJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



RAJAH 5

## HAKMILIK TANAH

## PETUNJUK

-  TANAH KERAJAAN  
 TANAH BERMILIK



TIDAK MENGIKUT SKALA

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KLIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DE  
CAWANGAN TENGAH, SEMENANJUNG MALAY  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TER



### 2.3.2 Penduduk Kawasan Kajian

Berasaskan maklumat banci kampung yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi JPM, bilangan penduduk pada tahun 1991 mengikut 6 kampung adalah berjumlah 10,103 orang, dimana majoriti daripada bilangan penduduk (29.9%) adalah tinggal di Klian Intan iaitu seramai 3,020 orang. Manakala, bilangan penduduk Kampung Kuak Hulu adalah seramai 1,200 orang atau 11.8% daripada keseluruhan jumlah penduduk kawasan kajian. (Rujuk Jadual 1). Jumlah penduduk PPD yang tinggi ini menunjukkan bahawa kawasan kajian mempunyai sumber penduduk yang mencukupi untuk menyokong sebuah PPD yang 'self-sustained', sama ada dari segi peluang pekerjaan atau kemudahan-kemudahan yang disediakan. Disamping itu, 'threshold' penduduk adalah juga datang dari FELDA Leping Nenering dan FELCRA Bukit Buluh.

Jadual 1: Bilangan Penduduk Mengikut JKKK, 1991

JKKK Jancina	Kg. Air Panas	Kg. Ruak Luar	Kg. Ruak Hulu	Kampung Selarong	Simpang Pulai	Klian Intan	Jumlah
Lelaki	650	1048	540	811	422	1,455	5,026
Perempuan	683	1153	560	816	300	1,565	5,077
*Jumlah	1,333	2,201	1,200	1,627	722	3,020	10,103

Sumber : SERU, JPM, 1991.

### 2.3.3 Kadar Pertumbuhan Penduduk

Kadar pertumbuhan penduduk Mukim Pengkalan Hulu adalah rendah iaitu 2.8% berbanding dengan kadar purata nasional pada paras 3.2% setahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa kawasan kajian mengalami penghijrahan penduduk keluar.

### 2.3.4 Struktur Umur

Golongan tenaga aktif (15 tahun - 64 tahun) bagi Mukim Pengkalan Hulu di dalam tahun 1991 adalah di dalam lingkungan 59.7%. Keadaan ini menggambarkan bahawa golongan tenaga aktif yang terdapat di Mukim Pengkalan Hulu melebihi golongan tenaga pasif (di bawah 15 tahun dan melebihi 64 tahun) di dalam lingkungan 40.3%. Keadaan ini menunjukkan bahawa kawasan kajian mempunyai sumber tenaga manusia yang besar dan berpotensi untuk memberikan sumbangan tenaga kerja kepada sektor ekonomi di kawasan ini (Rujuk Jadual 2).

Memandangkan kawasan kajian mempunyai potensi dari segi bilangan tenaga kerja, usaha-usaha perlu diatur mulai sekarang untuk melatih dan membimbing kaum belia seperti mengadakan institut dan pusat-pusat latihan kemahiran. Adalah diharapkan usaha-usaha ini akan dapat mengubah corak hidup kaum belia masa hadapan untuk mencapai pembangunan yang seimbang berteraskan dasar baru, Dasar Pembangunan Nasional.

Jadual 2: Bilangan Penduduk Mukim Pengkalan Hulu Mengikut Kumpulan Etnik, 1980.

Kumpulan	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
0-4	1233	291	271	9	1,804
5-9	1005	392	249	6	1,652
10-14	826	363	262	9	1,460
15-19	709	210	188	8	1,115
20-24	893	197	152	13	1,255
25-29	617	154	120	17	908
30-34	448	168	96	4	716
35-39	319	173	78	5	575
40-44	375	155	63	3	596
45-49	236	145	64	3	448
50-54	211	92	46	2	351
55-59	136	85	32	0	253
60-64	108	95	29	1	233
64+	114	218	32	2	366
Jumlah	7,230	2,738	1,682	82	11,732

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1980

## 2.4 ASAS EKONOMI

### 2.4.1 Profail Ekonomi Daerah Hulu Perak

Kegiatan pertanian merupakan sektor utama Daerah Hulu Perak yang merangkumi lebih kurang 60% (14,310 pekerjaan) dari keseluruhan pekerjaan pada tahun 1980.

Dari segi gunatanah pertanian meliputi 7.3% atau kawasan seluas 48,195 hektar dari keluasan Daerah Hulu Perak di mana getah adalah merupakan tanaman utama iaitu seluas 41,532 hektar atau 6.3% daripada keluasan daerah.

Gunatanah semulajadi iaitu hutan meliputi sebahagian besar daripada kawasan daerah iaitu 85.8% atau 567,277 hektar daripada keluasan daerah. Hutan mempunyai nilai ekonomi yang penting dan beberapa kawasan telah diwartakan sebagai kawasan hutan simpan.

#### 2.4.2 Profail Ekonomi Kawasan Kajian

Gunatanah pertanian di Mukim Pengkalan Hulu meliputi kawasan seluas 4,845 hektar atau 63.7% daripada keseluruhan kawasan kajian. Getah adalah merupakan tanaman utama di kawasan ini iaitu seluas 4,009 hektar atau 83% daripada keluasan kawasan.

Beberapa kawasan Rancangan Pembangunan Pertanian yang terdapat di kawasan kajian adalah:

- i. FELDA Leping Nenering
- ii. FELCRA Bukit Buluh
- iii. Rancangan Tanah Pinggir
- iv. Rancangan Pertanian Berkelompok
- v. Rancangan Perkampungan Tersusun (Rujuk Rajah 6)

#### 1. Pekerjaan Utama


Pekerjaan utama penduduk kawasan kajian adalah bekerja kampung, menoreh getah dan menanam padi, di mana bilangan itu meliputi 68.0% daripada jumlah pekerjaan (Rujuk Jadual 3).

Oleh kerana tanaman getah adalah merupakan kebun-kebun kecil yang diusahakan secara 'conventional', hasil pendapatan yang diperolehi adalah rendah. Tambahan, kedudukan kebun getah yang agak jauh, menyukarkan kerja-kerja penorehan. Tanaman padi yang juga diusahakan secara kecil-kecilan tidak memberikan pulangan pendapatan yang terjamin.

Jadual 3: Pekerjaan utama penduduk mengikut kampung

Taraf Pekerjaan	Kg. Air Panas	Kg. Kuak Luar	Kg. Kuak Hulu	Kampung Selarong	Simpang Pulai	Klian Intan	Jumlah
Penoreh Getah	50	53	100	243	32	212	690
Penanam Padi	0	10	150	0	0	0	160
Kerja Kampung	330	100	600	50	33*	269	1,382
Berniaga	8	16	0	8	18	53	103
Kerja Kerajaan	0	40	50	98	16	47	251
Kerja Swasta	0	14	150	109	4	32*	604
Penganggur	0	54	0	0	0	0	54
<b>Jumlah</b>	<b>388</b>	<b>287</b>	<b>1,050</b>	<b>508</b>	<b>103</b>	<b>908</b>	<b>3,244</b>






Sumber: SERU, JPM, 1991.








RAJAH 6

## RANCANGAN PEMBANGUNAN PERTANIAN

## PETUNJUK

-  TAPAK ASAL PPD
-  CADANGAN TAPAK PPD
-  CADANGAN KAWASAN PERTANIAN
-  KAWASAN TADAHAN AIR
-  FELDA LEPANG NENERING

-  RANCANGAN PERKAMPUNAN TERSUSUN
-  KAWASAN LOMBONG
-  FELCRA BUKIT BULUH
-  RANCANGAN TANAH PINGGIR
-  RANCANGAN PERTANIAN BERKELOMPOK



TIDAK MENGIKUT SKALA

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KLIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
CAWANGAN TENGAH, SEMERANG/UMUM MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## 2. Jumlah Pendapatan Isirumah

Melalui Jadual 4 dapat diperhatikan bahawa 88% daripada jumlah isirumah adalah di bawah paras pendapatan garis kemiskinan negara iaitu di bawah RM450.00, manakala 46.7% adalah di dalam golongan termiskin (bawah RM202.00) (Rujuk Jadual 4). Keadaan kemiskinan adalah sangat ketara di kawasan kajian kerana kebanyakan penduduk bergantung kepada pekerjaan yang kurang ekonomik.

**Jadual 4: Jumlah Pendapatan Isirumah Mengikut Kampung**

Pendapatan	Kg. Air Panas	Kg. Kuak Luar	Kg. Kuak Hulu	Kampung Selarong	Simpang Pulai	Klian Intan	Jumlah
<\$100	16	154	0	30	0	42	242
\$100-\$200	330	46	20	177	4	112	689
\$201-\$350	0	14	157	80	84	315	650
\$351-\$500	0	54	0	25	15	168	262
>\$500		16	0	15	0	120	151
Jumlah	346	284	177	327	103	757	1994

Sumber: SERU, JPM, 1991.

### 2.4.3 Perusahaan Luar Bandar

Perusahaan luar bandar secara relatif merupakan satu aktiviti ekonomi yang kecil dalam pembangunan di kawasan kajian.

#### i. Jenis Dan Pemilikan Perusahaan Luar Bandar

Tiga daripada empat perusahaan luar bandar yang dijalankan adalah terdiri daripada perusahaan pembuatan makanan, manakala sebuah lagi perusahaan bengkel kereta. Kesemuanya dijalankan secara kecil-kecilan dan diusahakan secara persendirian serta dikendalikan sepenuh masa. Kesemua perusahaan adalah dimiliki oleh kaum Melayu. (Rujuk Jadual 5)

**Jadual 5: Jenis dan Pemilikan Perusahaan Luar Bandar di Kawasan Kajian**

Jenis Perusahaan	Lokasi	Status Pemilikan	Pemilik
Kerepek Pisang	Kg. Selarong	Sendiri	Melayu
Sos Cili	Kg. Selarong	Sendiri	Melayu
Kuah Rojak	Kg. Selarong	Sendiri	Melayu
Bengkel Kereta	Kg. Kuak Luar	Sendiri	Melayu

Sumber: Kajian Pakarunding PPD Kilian Intan, 1993

**ii. Jumlah Pekerja Dan Pendapatan**

Disebabkan perusahaan yang dijalankan adalah secara kecil-kecilan, jumlah pekerja yang terlibat di dalam perusahaan luar bandar yang dijalankan adalah kecil iaitu di antara 1 hingga 2 orang sahaja.

Purata jumlah pendapatan kasar pengusaha adalah di antara RM400 hingga RM1500 sebulan. Manakala purata pendapatan bersih adalah diantara RM150 hingga RM800 sebulan. (Rujuk Jadual 6).

**Jadual 6: Jumlah Pekerja dan Pendapatan Pengusaha Perusahaan Luar Bandar.**

Jenis Perusahaan	Jumlah Pekerja	Pendapatan Kasar (RM)	Pendapatan Bersih
Kerepek Pisang	1	400	150
Sos Cili	1	1,100	500
Kuah Rojak	1	1,000	350
Bengkel Kereta	2	1,500	800

Sumber: Kajian Pakarunding PPD Kilian Intan, 1993

**iii. Sumber Pembiayaan dan Jumlah Modal**

Jumlah modal permulaan untuk perusahaan luar bandar yang ada sekarang adalah di antara RM500 dan RM5,000, di mana semuanya adalah dibiayai sendiri. Jumlah modal ini adalah kecil dan tidak memberikan peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk tempatan.

#### iv. Sumber-Sumber

##### a. Pertanian

Pertanian merupakan aktiviti utama di kawasan kajian. Getah adalah merupakan tanaman utama di kawasan ini, iaitu seluas 47 hektar (116 ekar) atau 63.7% daripada keluasan kawasan.

##### b. Sumber Hutan

Mukim Pengkalan Hulu mempunyai banyak sumber hutan terutama buluh dan rotan. Jenis rotan yang terdapat adalah rotan manau, rotan mantang, rotan semambu dan rotan tasung yang sesuai untuk dijadikan perabut. Manakala buluh aur, buluh beting, buluh pelang dan buluh betong adalah sesuai untuk dijadikan chopstik dan penyungkil gigi. (Rujuk lampiran 1 dan 2).

##### c. Pasir Sungai

Kuantiti pasir sungai yang agak banyak di Sungai Semangga, Sungai Kuak dan Sungai Hitam sesuai untuk dijadikan industri pembuatan batu bata dan atap genting.

##### d. Tenaga Kerja

Sumber manusia iaitu gunatenaga adalah merupakan sumber terpenting dalam perancangan pertumbuhan perusahaan luar bandar. Kawasan kajian mempunyai seramai lebih kurang 10,000 penduduk di mana lebih kurang 60% adalah di dalam golongan tenaga aktif.

##### e. Infrastruktur Fizikal dan Utiliti

Secara keseluruhannya sistem jalan raya di kawasan kajian adalah memuaskan. Perletakannya di persimpangan jalan utama Kroh-Klian Intan dan cadangan Jalan Klian Intan-Lepang Nenering akan mempengaruhi pembangunan PPD.

Bekalan air, elektrik dan telefon di kawasan kajian adalah masih ditahap tidak memuaskan. Bagi membantu pertumbuhan perusahaan luar bandar di PPD Klian Intan, masalah tersebut perlu diatasi.

## 2.5 UTILITI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

### 2.5.1 Utiliti

#### 1. Bekalan Elektrik

Kawasan kajian yang meliputi sebahagian daripada kawasan Daerah Kecil Pengkalan Hulu mendapat bekalan elektrik dari pencawang di Baling, Kedah. Pada masa ini 90.0% daripada jumlah rumah di kawasan kajian telah dibekalkan dengan bekalan elektrik.

#### 2. Bekalan Air

Bekalan air paip di kawasan kajian adalah diperolehi dari Sungai Chabang Anak dan Sungai Kuak. Dari segi bekalan air, hampir 86% daripada jumlah rumah di kawasan kajian telah mendapat bekalan air paip.

### 2.5.2 Kemudahan Masyarakat

Kemudahan masyarakat yang terdapat di kawasan kajian adalah kemudahan pelajaran, kemudahan kesihatan, balai polis, masjid dan lain-lain. Bilangan dan taburan kemudahan-kemudahan tersebut dapat diperhatikan melalui Jadual 7 dan Rajah 7.


Jadual 7: Kemudahan Masyarakat Mukim Pengkalan Hulu, 1992

Kemudahan Masyarakat	Bil.	Keluasan	
		Hektar	Ekar
Sekolah Rendah	9	6.26	15.65
Sekolah Menengah	2	5.24	13.01
Pusat Kesihatan Kecil	1	*	*
Pusat Kesihatan Besar	1	9.16	22.09
Klinik Desa	1	0.07	0.18
Rumah Bidan/Klinik	1	0.10	0.25
Balai Polis	1	7.42	18.58
Balai Bomba	1	*	*
Pejabat Pos	1	0.75	1.88
Wakil Pos	1	0.12	0.30

Sumber : Pejabat Daerah Hulu Perak, 1992

Nota: \*Maklumat tidak diperolehi





RAJAH 7

## KEMUDAHAN MASYARAKAT

## PETUNJUK

	MASJID		IBU SAWAT TALIKOM
	SEK. MEN. KEBANGSAAN		PEJABAT TENAGA NASIONAL
	SEK. REN. KEBANGSAAN		PEJABAT POS
	SEK. RENDAH AGAMA		PEJABAT BOMBA
	DEWAN ORANG RAMAI		CADANGAN SEK. RENDAH
	PUSAT KESIHATAN/KLINIK DESA/ KLINIK BIDAN		CADANGAN KLINIK DESA
	BALAI POLIS		CADANGAN PONDOK POLIS



KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KLIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
CAWANGAN TENGAH, SEMENANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## 2.6 PERSEPSI PENDUDUK

### 2.6.1 Persetujuan Berpindah

Dari kajian persepsi penduduk yang dijalankan 100% adalah di dapati majoriti iaitu 1 keluarga (72.6%) daripada penduduk di kawasan kajian adalah bersetuju untuk berpindah, manakala yang selebihnya iaitu 66 keluarga tidak bersetuju.

### 2.6.2 Penggunaan Tapak Kampung Sedia Ada

Penduduk yang akan berpindah ke tapak baru akan kekal memiliki hak milik tanah kampung asal, sama ada mengekalkan rumah, kawasan dusun dan kawasan sawah. Disamping menceburkan diri di kawasan perladangan dan kawasan perindustrian luar bandar di tapak PPD, penduduk sedia ada akan dapat meneruskan kegiatan asal mereka di kampung sedia ada bagi menambahkan pendapatan mereka.

### 3.0 UNJURAN

#### 3.1. UNJURAN JUMLAH PENDUDUK

Menjelang ke tahun 2005, Mukim Pengkalan Hulu akan menampung penduduk berjumlah 33,358 orang, di mana 2,500 dijangka akan tinggal di PPD Klian Intan (Rujuk Jadual 8).

Jadual 8: Unjuran Jumlah Penduduk Mukim Pengkalan Hulu 1995-2005

Kumpulan Umur	1990	1995	2000	2005
0-4	2377	2729	3134	4974
5-9	2176	2490	2774	4038
10-14	1924	2209	2529	4004
15-19	1469	1687	1937	3071
20-24	1654	1899	2169	3622
25-29	1207	1386	1591	2616
30-34	999	1147	1316	2158
35-39	815	936	1075	1757
40-44	822	944	1084	1808
45-49	630	723	830	1386
50-54	473	543	623	1052
55-59	362	416	477	790
60-64	350	402	462	751
64+	597	685	786	1331
Jumlah	15,855	18,196	20,787	33,358

Sumber: Kajian Pelan Pembangunan PPD Klian Intan, 1992.

#### 3.2. UNJURAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

##### 3.2.1 Kemudahan Pelajaran

Berasaskan unjuran dan bersesuaian dengan fungsi PPD Klian Intan, sebuah sekolah rendah dan sekolah menengah dicadangkan untuk ditempatkan di tapak tersebut. Ini adalah selaras dengan unjuran penduduk yang telah dibuat di mana keseluruhan kawasan kajian (Mukim Pengkalan Hulu) memerlukan tambahan 3 buah sekolah rendah dan 2 buah sekolah menengah menjelang ke tahun 2005. Disamping itu, sebuah sekolah agama juga disediakan.

### 3.2.2 Kemudahan Kesihatan

Oleh kerana kedudukan cadangan tapak PPD Klian Intan cuma lebih kurang 3 batu dari Pengkalan Hulu, hanya sebuah klinik desa akan dicadangkan menjelang ke tahun 2000. Kemudahan Pusat Kesihatan boleh diperolehi dari Pengkalan Hulu.

### 3.2.3 Kemudahan Masjid

Bersesuaian dengan fungsi PPD Klian Intan, sebuah masjid dicadangkan untuk dibina menjelang tahun 2000.

### 3.2.4 Lain-Lain Kemudahan Masyarakat

Bagi menampung pertambahan penduduk masa hadapan dan bersesuaian dengan fungsi PPD, kemudahan masyarakat yang lain yang perlu disediakan menjelang tahun 2000 adalah seperti di dalam Jadual 9.

**Jadual 9: Unjuran Kemudahan Masyarakat, PPD Klian Intan 1995-2005**

Perkara	Tahun		
	1995	2000	2005
1. Sekolah Rendah	-	1	-
2. Sekolah Menengah	-	-	1
3. Sekolah Agama	-	-	1
4. Pusat Kegiatan Desa	-	1	-
5. Klinik Desa	-	-	1
6. Pondok Polis	-	-	1
7. Pejabat Pos	-	-	1
8. Perpustakaan	-	-	1
9. Dewan Orang Ramai	-	-	1
10. Masjid	-	1	-
11. Surau	-	-	1
12. Perkuburan	-	-	1
13. Padang Awam	-	-	1

Sumber: Kajian Pelan Pembangunan PPD Klian Intan

## 4.0 ISU DAN POTENSI

---

### 4.1 ISU

- i. Keadaan topografi yang tinggi dan curam adalah merupakan faktor penghalang pembangunan yang mengakibatkan cuma sedikit sahaja kawasan yang sesuai untuk pembangunan di masa akan datang.
- ii. Kadar pertambahan penduduk kawasan kajian adalah rendah berbanding dengan keadaan purata nasional, di mana implikasinya menunjukkan bahawa penghijrahan keluar penduduk berlaku.
- iii. Banyak kawasan pertanian yang terbiar dan tidak diusahakan terdapat di kawasan kajian.
- iv. Saiz perusahaan dan pemilikan modal adalah kecil, di mana ini menyebabkan pengeluaran tidak ekonomik. Keadaan ini mengakibatkan kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan.
- v. Secara relatifnya, pendapatan perusahaan luar bandar di kawasan kajian adalah rendah. Keadaan sebegini kurang dapat menarik minat pekerja untuk melibatkan diri dengan perusahaan luar bandar.
- vi. Kekurangan modal dan pekerja, tiada kecekapan pengurusan dan pemasaran telah menyebabkan tiada pertumbuhan ke atas perusahaan luar bandar yang sedia ada.
- vii. Bekalan air, elektrik dan telefon belum lagi sempurna dan memuaskan.
- viii. Keadaan kemiskinan adalah sangat jelas di kawasan kajian, di mana lebih kurang 80% daripada jumlah isirumah adalah di bawah paras pendapatan garis kemiskinan negara, manakala 37% adalah di dalam golongan termiskin.
- ix. Pekerjaan utama penduduk yang terdiri daripada penoreh getah dan penanam padi tidak memberikan pulangan pendapatan yang memuaskan.
- x. Kampung Kuak Hulu (kampung asal) terletak di dalam kawasan rizab tadahan air, iaitu satu-satunya sumber air mentah bagi kawasan Mukim Pengkalan Hulu. Memandangkan kawasan ini adalah kawasan tadahan air, tapak baru perlu dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai PPD.

## 4.2 POTENSI

- i. Bilangan penduduk kawasan kajian adalah mencukupi untuk menampung pembangunan sesebuah PPD di dalam gugusannya.
- ii. Penduduk di kawasan kajian secara majoriti mempunyai persepsi yang positif terhadap pembangunan PPD.
- iii. Kawasan kajian mempunyai golongan tenaga aktif (15-64 tahun) yang relatifnya tinggi dan ini menunjukkan bahawa kawasan kajian mempunyai tenaga buruh yang besar.
- iv. Kedudukan tapak PPD adalah di dalam kawasan KESBAN yang berpotensi untuk membangun disebabkan kedudukannya yang mudah sampai iaitu dipersimpangan jalan utama Kroh-Klian Intan dan cadangan Jalan Klian Intan-Lepang Nenering.
- v. Rancangan FELCRA Bukit Buluh dan FELDA Lepang Nenering yang terdapat berhampiran dengan tapak yang dicadangkan juga akan mempengaruhi pembangunan PPD.
- vi. Kawasan Kajian mempunyai banyak sumber mentah seperti buluh dan rotan yang sesuai dimajukan untuk perusahaan berasaskan kayu (wood base industry).

## 5.0 CADANGAN PEMBANGUNAN

---

PPD Klian Intan telah dikenalpasti untuk dibangunkan di satu tapak baru. Fakta-fakta yang mengarah kepada pemilihan tapak baru ini adalah seperti berikut:

1. Tapak cadangan PPD ini adalah di dalam kawasan yang berpotensi untuk pembangunan masa hadapan.
2. Taraf hakmilik tapak cadangan PPD ini adalah hakmilik kerajaan.
3. Lokasinya di persimpangan jalan utama Kroh-Klian Intan dan cadangan jalan Klian Intan-Lepang Nenering adalah kemudahsampaian dari Pengkalan Hulu dan juga dari kawasan di luar mukim. Pengunjung dari arah utara/selatan yang melalui persimpangan ini dijangka akan singgah ke PPD jika terdapat tarikan seperti gerai, tempat persinggahan dan kemudahan lain.

### 5.1 STRATEGI PEMBANGUNAN

Strategi pembangunan kawasan kajian digariskan mengikut tiga sektor utama iaitu:-

#### 5.1.1 Pembangunan Pertanian

- i. Mengenalpasti zon tanaman yang sesuai di kawasan kajian.
- ii. Menggalakkan perusahaan pertanian berkelompok bagi membolehkan penggunaan teknologi moden dengan lebih ekonomik disamping meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.

#### 5.1.2 Pembangunan Perusahaan (Industri Kecil dan Sederhana)

- i. Menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana bagi mempelbagaikan kegiatan ekonomi bukan pertanian.
- ii. Menggalakkan kegiatan industri bercorak sokongan kepada industri-industri pembuatan yang besar.

### 5.1.3 Pembangunan Sosial/Infrastruktur

- i. Mempertingkatkan sistem dan taraf pengangkutan untuk membolehkan kemudahsampaian ke kawasan kajian.
- ii. Mewujudkan satu pusat pertumbuhan desa dan kemudahan-kemudahan masyarakat dan utiliti, perniagaan, pentadbiran dan pemasaran berpusat serta kawasan penempatan yang teratur.
- iii. Mengintegrasikan program-program pembangunan masyarakat dalam pembangunan ekonomi dan fizikal ke arah perubahan sikap dan program latihan kemahiran di kalangan kelompok sasaran supaya lebih ramai tenaga mahir dan separa mahir dapat dilahirkan.

## 5.2 KONSEP PEMBANGUNAN

Konsep pembangunan dibahagikan kepada 2 iaitu:

- i. Konsep pembangunan makro untuk keseluruhan kawasan kajian (Mukim Pengkalan Hulu).
- ii. Konsep pembangunan mikro untuk PPD Klian Intan.

### 5.2.1 Konsep Pembangunan Makro

Konsep pembangunan Makro adalah untuk mewujudkan PPD Klian Intan sebagai Pusat Perkhidmatan luar bandar di peringkat mukim bagi Mukim Pengkalan Hulu disamping mengekalkan Pengkalan Hulu sebagai Pusat Daerah Kecil (Pusat Pentadbiran/Perkhidmatan).


Kedudukan PPD Klian Intan yang 'central' akan dapat memberikan perkhidmatan kepada semua kampung rangkaian di dalam Mukim Pengkalan Hulu iaitu Kampung Air Panas, Kampung Kuak Luar, Kampung Kuak Hulu, Kampung Selarong, Kampung Simpang Pulai dan Klian Intan (Rujuk Rajah 8).

Bagi memastikan kejayaan PPD Klian Intan sebagai fungsi Pusat Perkhidmatan L/1 Bandar, usaha-usaha perlu diatur mulai sekarang iaitu dari segi menyalurkan peruntukan kewangan ke atas projek-projek yang dicadangkan iaitu dari segi :

#### a. Asas Ekonomi Bandar

Pembangunan PPD Klian Intan adalah bergantung kepada asas ekonomi bandar yang akan diwujudkan. Beberapa projek pembangunan yang dicadangkan untuk dibangunkan di tapak PPD dijangka akan dapat menjadi penggerak pembangunan (catalyst) kepada PPD dan seterusnya menjadi daya tarikan untuk penduduk tinggal. Projek-projek pembangunan yang mempengaruhi pertumbuhan asas ekonomi bandar bagi PPD Klian Intan adalah :











RAJAH 8

## KONSEP PEMBANGUNAN MAKRO

## PETUNJUK

-  PUSAT DAERAH KECIL
-  PUSAT PERTUMBUHAN DESA
-  KAMPUNG RANGKAIAN
-  KAWASAN PERTANIAN
-  KAWASAN TADAHAN AIR
-  ARAH TUMPUAN PENDUDUK



TIDAK MENGIKUT SKALA

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KLIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK

JARATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
CAWANGAN TENGAH, SEMERANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- i. Perusahaan luar bandar yang akan menempatkan perusahaan pembuatan berasaskan kayu adalah 'viable' untuk diwujudkan disebabkan sumber mentah yang banyak di kawasan kajian. Disamping itu, perusahaan jenis ini akan menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan dan mempunyai pasaran yang memuaskan.
- ii. Sistem pengangkutan jalan yang efisien, disamping bekalan air, elektrik dan telefon yang mencukupi akan membantu untuk menarik para pelabur.
- iii. Pusat Perniagaan yang akan diwujudkan di Pusat Perkhidmatan PPD seperti kedai, gerai, pasar, stesen minyak dan tapak penjaja akan menyediakan kemudahan perniagaan yang diperlukan, sama ada oleh penduduk PPD, mahupun kawasan sekitar.
- iv. Kompleks sukan mini, sekolah rendah, sekolah agama, sekolah menengah, pejabat pos, klinik desa, balai bomba dan stesen bas/teksi adalah penting untuk disediakan bagi kemudahan masyarakat.
- v. Pejabat Penghulu, Pejabat Felcra, Pejabat Koperasi, Jabatan Pertanian dan KEMAS adalah di antara agensi yang akan memberikan perkhidmatan pentadbiran dan perkhidmatan yang berkaitan.
- vi. Perkhidmatan pemasaran dan penghantaran produk perusahaan luar bandar yang diwujudkan akan membantu untuk menarik lebih ramai para pelabur untuk melabur di PPD.

#### **b. Asas Ekonomi Luar Bandar**

Kawasan pertanian yang terdapat di sekitar seperti Rancangan Felda dan Felcra, Rancangan Tanah Pinggir, Rancangan Pertanian Berkelompok serta tumbuhan seperti buluh dan rotan merupakan sumber asas ekonomi pertanian yang penting bagi kawasan kajian.

#### **c. Pembangunan Masyarakat/Sosial**

Beberapa program pembangunan masyarakat seperti Giat Mara, Amanah Ikhtiar Malaysia serta kursus dan latihan kemahiran yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian dan KEMAS akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penduduk terutama di dalam menjalankan aktiviti pertanian dan perusahaan luar bandar.

Program Perumahan Rakyat Termiskin yang akan disediakan di PPD adalah bertujuan bagi membantu rakyat termiskin di Kampung Klian Intan untuk memiliki rumah yang mereka mampu. Program pembangunan yang akan diwujudkan di PPD Kuak Hulu seperti yang dibincangkan adalah bukan bertujuan untuk bersaing dengan Pengkalan Hulu. Bagi tempoh jangka panjang, pembangunan PPD adalah bertujuan untuk 'complement' dan 'suppliment' pembangunan sedia ada di Pengkalan Hulu yang akan kekal sebagai Pusat Pentadbiran dan Perniagaan.

## 5.2.2 Konsep Pembangunan PPD Kliian Intan (Makro)

'Konsep Pembangunan PPD Kliian Intan adalah sebagai penempatan semula penduduk di kawasan petempatan baru yang disekelilingi oleh kawasan pertanian dengan mengekalkan ciri-ciri semula jadi'.

Di dalam konsep yang disediakan, cadangan jalan Kroh-Kliian Intan dan jalan Kliian Intan-Lepang Nenering merupakan laluan utama yang memainkan peranan penting sebagai penggerak kepada penumpuan penduduk ke atas perkhidmatan yang disediakan di PPD. Di samping memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat, PPD tersebut akan dapat berkembang dengan sokongan penduduk dari luar yang menggunakan jalan tersebut (Rujuk Rajah 9).

Semua kemudahan masyarakat dan perkeadaan akan diletakkan di tepi jalan utama tersebut dan berfungsi sebagai pusat perkhidmatan bagi kawasan kajian.

Kemudahan perumahan disediakan di bahagian utara dan timur kawasan pusat perkhidmatan tersebut bagi menampung keperluan penduduk sedia

ada yang terlibat dengan pemindahan dan penambahan penduduk yang telah diunjurkan sehingga ke tahun 2005.

Bagi tujuan menambahkan peluang pekerjaan, kawasan perusahaan luar bandar dan kawasan pertanian juga akan diperuntukkan berhampiran kawasan perumahan.


## 5.3 CADANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PROJEK PRIORITI

Program projek pembangunan dikenalpasti berdasarkan isu hasil penemuan dari analisis kajian, pembangunan yang telah ditetapkan dan program/projek agensi pembangunan yang terlibat di kawasan kajian. (Rujuk Rajah 10)

### 5.3.1 Strategi Pembangunan Pertanian

#### i. Pembukaan tanah untuk tanaman getah.

Kawasan seluas 880 hektar (2,200 ekar) telah dikenalpasti untuk tanaman getah. Jika tanah ini diusahakan secara ladang adalah dianggarkan dapat menampung 275 penduduk PPD.



RAJAH 9

## KONSEP PEMBANGUNAN PPD

## PETUNJUK


	PERUMAHAN
	PELAJARAN
	PERNIAGAAN
	INSTITUSI
	KEAGAMAAN
	PERINDUSTRIAN




TANPA SKALA

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN  
PUSAT PERTUMBUHAN DESA  
KILIAN INTAN  
DAERAH HULU PERAK

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
CAWANGAN TENGAH, SEMERANG-JUJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN









TANPA SKALA

RAJAH 10

PELAN INDIKATIF CADANGAN PEMBANGUNAN

THAILAND








## PETUNJUK

-  KAWASAN PERBANDARAN
-  PUSAT PERTUMBUHAN DESA
-  PUSAT KECIL KAMPUNG
-  PERKAMPUNGAN TERSUSUN

## PELAJARAN

-  SEK.MENENGAH KEBANGSAAN
-  SEK.RENDAH KEBANGSAAN
-  SEK.RENDAH AGAMA






## KEGUNAAN KERAJAAN

-  PUSAT KESIHATAN / KLINIK DESA
-  BALAI POLIS
-  BALAI BOMBA
-  PEJABAT POS
-  DEWAN ORANG RAMAI
-  IBU SAWAT TALIKCM
-  PEJABAT TENAGA NASIONAL

## KEAGAMAAN

-  MASJID

## RANC.PEMBANGUNAN PERTANIAN

-  FELDA LEPANG NENERING
-  FELCRA BKT. BULUH
-  KAWASAN PERTANIAN
-  RANC. TANAH PINGGIR
-  RANC. PERTANIAN BERKELOMPOK

-  HUTAN
-  KAWASAN TADAHAN AIR
-  SUNGAI
-  TASIK / LOMBONG
-  JALAN RAYA
-  SEMPADAN MUKIM
-  SEMPADAN NEGERI
-  SEMPADAN ANTARABANGSA
-  KAWASAN KAJIAN



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
SEMANJUNG MALAYSIA (CAWANGAN TENGAH)  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN.

KEMERANJUNG  
MALAYSIA

KIM KERUNAI

Memandangkan kawasan pertanian berhampiran telah dimajukan oleh pihak FELCRA, adalah disyorkan kawasan pertanian ini dimajukan oleh FELCRA manakala peserta terdiri dari penduduk Pusat Pertumbuhan Desa Klian Intan.

**ii. Memperkenalkan projek tanaman buluh dan rotan bagi memastikan bekalan sumber buluh dan rotan dapat menampung keperluan aktiviti perusahaan penyungkil gigi, chopstick dan perabut rotan.**

Aktiviti pengeluaran rotan dan buluh sebagai bahan mentah mencukupi. Bagi memastikan bekalan mentah mencukupi mengikut jenis yang sesuai adalah dicadangkan supaya program penanaman rotan dan buluh diadakan melalui pemberian 'concessions' berdasarkan pusingan 20 tahun kepada pengusaha industri. Jenis rotan yang sesuai untuk pengeluaran perabut adalah Rotan Manau, Rotan Matang, Rotan Semambu dan Rotan Tasong. Manakala jenis buluh yang sesuai untuk pengeluaran chopstick dan penyungkil gigi adalah Buluh Aur, Buluh Beting dan Buluh Betong.

Usaha untuk menggalakkan tanaman rotan di antara pokok getah perlu digiatkan memandangkan hasil penyelidikan FRIM mendapati tanaman rotan sesuai diintegrasikan dengan tanaman getah. Pengawasan dan penyelidikan rapi oleh pihak FRIM adalah perlu.

**iii. Menggalakkan penanaman pokok bunga di kalangan penduduk Pusat Pertumbuhan Desa**

Memandangkan suhu kawasan kajian adalah sesuai untuk tanaman pokok bunga, penduduk-penduduk tempatan terutamanya suri rumah digalakkan untuk menanam pokok bunga secara komersial sebagai satu kegiatan ekonomi secara sampingan. Pokok-pokok bunga ini akan dipasarkan ke bandar-bandar utama untuk keperluan hotel dan pihak berkuasa tempatan.

Kegiatan tanaman bunga 'nursery' seharusnya diusahakan oleh satu badan koperasi terdiri dari kalangan penduduk PPD sendiri.

Walaupun bagaimanapun kajian lanjutan perlu dijalankan dari segi kesesuaian tanah, pasaran dan kecenderungan penduduk.

### 5.3.2 Strategi Perusahaan Luar Bandar

Pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian merupakan aspek dasar yang ditekankan dalam Halacara Baru.

**i. Menempatkan tiga projek prioriti di kawasan perusahaan luar bandar yang telah dikenalpasti.**

Kawasan perusahaan luar bandar seluas lebih kurang 6 ekar telah dikenalpasti di PPD Klian Intan. Bagi tujuan perlaksanaan di peringkat awal pembangunan, tiga jenis perusahaan membuat perabut rotan, barangan buluh yang terdiri daripada penyungkil gigi dan chopstick serta perusahaan pembuatan batu blok.

Ketiga-tiga perusahaan yang dicadangkan adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:-

- a. Perusahaan pembuatan banyak menawarkan peluang pekerjaan.
- b. Perusahaan ini juga menggunakan sumber asli yang banyak terdapat di kawasan kajian.
- c. Perusahaan ini mampu mengeluarkan pendapatan yang tinggi yang seterusnya akan memperkembangkan kegiatan ekonomi di kawasan kajian.
- d. Pasaran bagi ketiga-tiga perusahaan adalah memuaskan.
- e. Ketiga-tiga perusahaan mampu memberi pulangan pelaburan yang agak tinggi iaitu 20% dan 25%.

**ii. Mewujudkan perusahaan makanan bagi mempelbagaikan kegiatan ekonomi.**

Perusahaan membuat makanan juga dianggap penting kerana perusahaan jenis ini dapat memberi peluang pekerjaan di PPD Klian Intan. Adalah dicadangkan supaya semua pengusaha perusahaan makanan yang sekarang beroperasi di kawasan kegiatan dipindahkan ke tapak perusahaan luar bandar yang akan disediakan. Ini adalah untuk memudahkan urusan mengkoordinasikan perusahaan ini dan mengatur bantuan dengan lebih mudah.

**iii. Menyediakan perusahaan luar bandar jenis rendah, sederhana dan tinggi**

Bagi tujuan mempelbagaikan jenis-jenis industri, tapak perindustrian di PPD Klian Intan akan menyediakan lot-lot perindustrian jenis sesebuah dan jenis berderet. Ini adalah untuk memberi peluang kepada pengusaha kecil yang ingin menceburi bidang perusahaan.



- iv. Menggalakkan pengusaha-pengusaha perusahaan besar sedia ada menyalurkan sebahagian dari kegiatan industri sama ada di tapak perusahaan luar bandar di PPD atau di unit-unit kediaman.

Untuk tujuan ini pihak berkuasa negeri hendaklah mengariskan satu dasar di mana mewajibkan setiap pengusaha perusahaan yang sedia ada memperuntukkan sekurang-kurangnya 20% daripada hasil keluaran datangnya dari perusahaan luar bandar.

Disamping itu kegiatan-kegiatan jenis ini boleh digalakkan untuk dijalankan di unit-unit kediaman.

### 5.3.3 Strategi Pembangunan Sosial/Infrastruktur

- i. Menyediakan unit perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki.

Selaras dengan strategi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk memperbaiki taraf dan kualiti hidup rakyat melalui kemudahan-kemudahan infrastruktur perumahan serta memodenkan kehidupan di luar bandar, adalah perlu disediakan kemudahan tempat tinggal 'berteduh' yang sesuai didiami. Dengan ini program pembangunan PPD telah mencadangkan supaya lot-lot perumahan disediakan dan dibina.

Bagi tujuan ini, 3 jenis perumahan yang disediakan adalah terdiri daripada perumahan biasa, perumahan PPRT dan perumahan bagi kakitangan FELCRA.

Kawasan perumahan yang disediakan meliputi kawasan seluas lebih kurang 35 hektar (85 ekar) di mana menyediakan lot perumahan berukuran 60 kaki x 100 kaki sebanyak 533 unit.

Penempatan Fasa 1 yang meliputi 238 unit rumah dan dianggarkan akan menampung seramai lebih kurang 1,140 penduduk adalah bagi menempatkan seramai 238 isirumah dari kampung asal (Kampung Kuak Hulu) yang terlibat dengan penempatan semula, di mana 26 isirumah adalah terdiri daripada rakyat termiskin.

Manakala penempatan Fasa II yang akan menyediakan sebanyak 352 unit rumah adalah bagi menempatkan;

- a. 70 isirumah dari Kampung Buluh yang terlibat dengan pelurusan jalan Kroh-Klian Intan.
- b. 80 peneroka Rancangan Tanah Felera Bukit Buluh dan 31 unit untuk kakitangan Felcra.
- c. Menampung permintaan perumahan yang diuruskan oleh Pejabat Daerah melalui Jawatankuasa Tanah Daerah.

ii. **Meningkatkan taraf perkhidmatan di petempatan sedia ada dengan menyediakan kemudahan masyarakat dan infrastruktur yang lebih lengkap.**

Kemudahan-kemudahan masyarakat seperti kemudahan kesihatan, masjid, surau, balai polis dan lain-lain juga disediakan bagi keperluan penduduk.

Kemudahan infrastruktur seperti jalan bertar, bekalan elektrik, bekalan air, kemudahan telefon dan sistem perparitan yang baik juga perlu disediakan.

Rizab parit selebar 2 kaki disediakan sepanjang jalan utama dan 1 kaki sepanjang jalan pendua.

iii. **Menyediakan satu kompleks kemudahan pelajaran di kawasan PPD.**

Dengan membangunkan sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah agama di dalam satu kompleks, kemudahan sukan yang akan disediakan dapat digunakan bersama oleh ketiga-tiga sekolah.

Peningkatan kemudahan-kemudahan sukan di sekolah-sekolah dijangka dapat menghasilkan ramai ahli-ahli sukan iaitu selaras dengan Dasar Sukan Negara.

iv. **Menyediakan kemudahan perniagaan yang mencukupi bagi keperluan penduduk.**

Bagi kemudahan penduduk-penduduk untuk mendapatkan keperluan barangan, 23 unit kedai disediakan di kawasan perkhidmatan. Selain daripada di kawasan perkhidmatan, kemudahan kedai penghujung juga disediakan di kawasan perumahan.

Sebuah tapak gerai/penjaja juga disediakan di PPD. Selain digunakan oleh penduduk tempatan, gerai-gerai yang akan dimajukan akan digunakan juga oleh penduduk yang menggunakan jalan Keroh-Klian-Intan.

Tapak pasar dan pasar tani merupakan kawasan perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga baru yang cuba menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Bagi tujuan ini, satu tapak pasar dan pasar tani akan disediakan.

Disamping melatih usahawan, pasar tani merupakan tempat pemasaran hasil pertanian dan ternakan yang sesuai.

v. **Mewujudkan program pembangunan masyarakat dan sumber manusia.**

Pembangunan masyarakat dan sumber manusia adalah penting dalam membangunkan masyarakat luar bandar. Dalam hal ini, pembangunan PPD Klian Intan dan penduduk-penduduknya memerlukan sesuatu program intensif dari segi

latihan, bimbingan, galakan dalam pelbagai bidang perniagaan, perusahaan, pertanian, kemahiran tangan dan perhubungan sosial masyarakat secara objektif.

Kursus, latihan dan bimbingan kemahiran seperti yang sedia ada dianjurkan oleh Jabatan Pertanian, KEMAS dan MARA di bawah program masing-masing diteruskan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penduduk terutama di dalam menjalankan aktiviti pertanian dan perusahaan luar bandar.

**vi. Memperkenalkan pengendalian projek secara berkelompok.**

Pengendalian projek secara berkelompok perlu diperkenalkan kepada petani-petani di kawasan kajian, di mana jawatankuasa projek di bawah Jabatan Pertanian bertindak sebagai badan pengurusan projek untuk menyelaras segala program-program kerja yang akan dilakukan oleh peserta-peserta projek dengan bantuan dan bimbingan Jabatan Pertanian.

**vii. Menggalakkan penggunaan teknologi moden**

Penggunaan teknologi moden perlu digalakkan kepada penduduk-penduduk untuk meningkatkan sistem pengurusan projek-projek pertanian dan mendapatkan teknologi moden yang bersesuaian untuk digunapakai di dalam projek-projek pertanian.

**viii. Mewujudkan pusat kecil pentadbiran PPD**

Untuk melicinkan pengurusan pentadbiran PPD Klian Intan, pejabat penghulu akan ditempatkan di PPD di samping Pejabat FELCRA dan Pejabat Koperasi.

Elemen-elemen PPD adalah seperti di dalam Jadual 10.

Jadual 10:Pelan Pembangunan PPD Klian Intan

Kemudahan/Aktiviti	Bil.	Keluasan	
		Hektar	Ekar
1. Perumahan			
Lot Peserta 60'x 100'	533	34.49	85.22
Lot Rakyat Termiskin 60'x100'	26	1.51	3.74
Lot Kakitangan FELCRA	31	2.26	5.58
2. Perniagaan			
Kedai (20'x 80')	26	0.98	2.42
Kedai Penghujung	3	0.48	1.15
Pasar	1	0.45	1.12
Gerai	-	0.47	1.14
Stesen Minyak	1	0.27	0.66
Perhentian Bas/Teksi	1	0.55	1.36
3. Industri			
Industri Luar Bandar 80'x 100'	22	1.67	4.12
Industri Luar Bandar 20'x 80'	36	0.73	1.80
4. Pelajaran			
Sekolah Rendah	1	3.42	8.45
Sekolah Rendah Agama	1	2.54	8.75
Sekolah Menengah	1	6.07	15.00
Tadika/Pusat Kegiatan Desa	1	0.30	0.75
5. Kemudahan Masyarakat			
Masjid	1	2.44	6.03
Surau	1	0.13	0.31
Perkuburan Islam	1	1.15	2.85
6. Kemudahan Awam			
Pejabat FELCRA	1	0.30	0.73
Pejabat Koperasi	1	0.32	0.80
Pejabat Pos	1	0.43	1.07
Pejabat Penghulu	1	0.47	1.17
Dewan Orang Ramai	1	0.41	1.02
Perpustakaan	1	0.38	0.94
Balai Polis	1	0.59	1.45
Balai Bomba	1	1.49	1.20
Klinik Desa	1	0.51	1.25
Mini Kompleks Sukan	1	0.96	2.38
Padang Awam		2.53	6.25
Kawasan Lapang- Permainan		4.88	12.06
7. Kegunaan Lain			
Simpanan Kerajaan	2	4.10	10.12
Tempat Letak Kereta	1	0.26	0.64
Jalanraya	-	18.76	46.35
Pejalan Kaki	-	0.39	0.97
Jumlah		97.37	240.60

### 5.3.4 Projek Prioriti

Tiga (3) projek prioriti yang dicadangkan ialah:

#### 1. Perusahaan Membuat Barangan Buluh

##### a. Pengeluaran

Barangan yang akan dihasilkan: Penyungkil gigi dan Chopstick.(Rujuk Jadual 11)

**Jadual 11: Pengeluaran Penyungkil Gigi dan Chopstick.**

Perkara	Pencungkil Gigi	Chopstick
Kapasiti Pengeluaran maksima sebulan	1.2 juta btg.	800,000 psg.
Anggaran Tahap Pengeluaran Unit Pengeluaran Sebulan	65% 15,600 kotak (50 btg.sekotak)	65% 43,333 ikat (12 psg.seikat)
Harga Jualan	RM1.35/kotak	RM2.40/ikat

Sumber: Sektor Asas Ekonomi dan Projek Prioriti PPD Kilan Intan.

##### b. Tenaga Kerja

Pekerja pentadbiran/Buruh langsung: 38 Orang.

##### c. Kos Pelaburan

RM

i. Mesin dan peralatan	80,000
ii. Kelengkapan pejabat	25,000
iii. Kenderaan - deposit	19,000
iv. Kos permulaan	31,000
v. Modal kerja permulaan	121,000
vi. Baki awal tunai	24,000
<hr/> Jumlah	<hr/> 300,000

## d. Anggaran Jualan

Bagi penyungkil gigi harga yang diletakkan adalah RM1.35 sekotak, manakala harga bagi chopstick adalah RM2.40 seikat. Perletakan harga-harga ini adalah bagi Tahun 1 dan ianya dijangka meningkat sebanyak 5 sen setiap tahun.

Berdasarkan kepada letakan harga, anggaran jualan setahun bagi penyungkil gigi dan chopstick adalah seperti di Jadual 12.

**Jadual 12: Anggaran Jualan Tahunan**

Tahun	1	2	3	4	5
Penyungkil gigi (RM'000)	252.7	262.2	273.2	285.6	299.4
Chopstick (RM'000)	1248.0	1312.0	1380.0	1452.0	1528.0
Jumlah (RM'000)	1500.7	1554.2	1613.2	1677.6	1747.4

Sumber: Sektor Asas Ekonomi dan Projek Prioriti PPD Kilan Intan, 1993.

## 2. Perusahaan Batu Blok

### a. Pengeluaran

Barangan yang akan dihasilkan : Batu Blok

### b. Tenaga Kerja

Pekerja Pengurusan/Pekerja  
kerani/Buruh Langsung : 22 Orang

### c. Kos Pelaburan

RM

- i. Mesin dan peralatan 33,000
- ii. Alatan kelengkapan pejabat 10,000
- iii. Perbelanjaan awal 77,000

---

Jumlah 120,000

---

## d. Anggaran Jualan

Syarikat yang mengendalikan pengeluaran ini dijangka dapat menghasilkan 1,800 unit batu blok tahun 1 (berdasarkan pengeluaran kapasiti maksimum 75%). Pengeluaran kapasiti dijangka akan meningkat 5% dalam tahun 3 dan 4 dan dijangka mencapai pengeluaran kapasiti maksima 90% dalam Tahun 5.

## 3. Perusahaan Perabut Rotan

## a. Pengeluaran

Barangan yang akan dihasilkan : Perabut Rotan

## b. Tenaga Kerja

Pekerja Pengurusan/Pekerja Kerani/Buruh/ Buruh am:55

c.	Kos Pelaburan	RM
i.	Mesin dan peralatan	138,900
ii.	Kenderaan	45,000
iii.	Perabut dan kelengkapan	7,500
iv.	Peralatan Pejabat	5,600
v.	Perbelanjaan Awal	20,000
vi.	Modal Kerja	237,700
	<hr/> Jumlah	<hr/> 455,000 <hr/>

## d. Anggaran Jualan

Anggaran jualan perabut rotan adalah sebanyak 1,350 unit bagi Tahun 1. Pengeluaran kapasiti dijangka meningkat 10% dalam Tahun 2 dan 47% dalam Tahun 5.

## 5.4 FASA PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN

Pembangunan PPD Klian Intan dijalankan di dalam 2 Fasa. Fasa I (1996-2000) melibatkan kawasan seluas 24.7 hektar (60.49 ekar) dan Fasa II (2001-2005) seluas 45.75 hektar (112.98 ekar) (Rujuk Jadual 13 dan Rajah 12).

Jadual 13: Fasa Pembangunan PPD Klian Intan.

Fasa I (1996-2000) RM 7	Bil/Unit	Keluasan	
		Hektar	Ekar
<b>1. Kawasan Petempatan</b>			
o Lot Perumahan	238	14.57	36.00
o Kedai Penghujung	1	0.04	0.10
o Tadika/Pusat Kegiatan Desa	1	0.30	0.75
o Kawasan Lapang/ Permainan	1	0.87	2.15
o Tangki Air	1	0.13	0.32
o Pencawang Elektrik	1	0.07	0.18
<b>2. Pusat Perkhidmatan</b>			
o Kedai	13	0.49	1.21
o Gerai	-	0.20	0.50
o Sekolah Rendah	1	3.42	8.45
o Pejabat FELCRA	1	0.30	0.73
o Masjid	1	2.44	6.03
o Pejabat Koperasi	1	0.32	0.80
o Stesen Minyak	1	0.37	0.92
<b>3. Industri Luar Bandar</b>	24	0.95	2.35
<b>Jumlah</b>		24.7	60.49



Fasa II (2001-2005) RM 8	Bil/Unit	Keluasan	
		Hektar	Ekar
<b>1. Kawasan Petempatan</b>			
o Lot Perumahan	352	21.08	51.90
o Kedai Penghujung	2	0.04	0.10
<b>2. Pusat Perkhidmatan</b>			
o Kedai	13	0.49	1.21
o Gerai	-	0.22	0.55
o Pasar	1	0.56	1.39
o Perhentian Bas/Teksi	1	0.60	1.49
o Tempat Letak Kereta	1	0.26	0.64
o Surau	1	0.13	0.31
o Sekolah Menengah	1	0.07	15.00
o Sekolah Rendah Agama	1	3.54	8.75
o Klinik Desa	1	0.51	1.25
o Balai Polis	1	0.59	1.45
o Balai Bomba	1	0.49	1.20
o Pejabat Pos	1	0.43	1.07
o Pejabat Penghulu	1	0.47	1.17
o Dewan Orang Ramai	1	0.41	1.02
o Mini Kompleks Sukan	1	0.96	2.38
o Padang Awam	1	2.53	6.25
o Kawasan Lapang/ Permainan	-	1.92	7.22
<b>3. Industri Luar bandar</b>	34	1.95	4.84
<b>4. Kubur</b>	1	1.15	2.85
<b>Jumlah</b>		45.75	112.98



## 5.5 PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN PPD

### 5.5.1 Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Pembangunan PPD

Bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan PPD dapat dijalankan dengan licin dan berkesan, satu Jawatankuasa Penyelarasan dan pelaksanaan perlu diwujudkan di bawah pengelolaan Pejabat Daerah selaku agensi utama (lead agency).

#### 1. Peranan Jawatankuasa

Peranan Jawatankuasa adalah:

- i. Menyelaras pelaksanaan cadangan projek PPD dengan pembangunan negeri.
- ii. Memastikan pelaksanaan projek mengikut program yang dicadangkan.
- iii. Mengawasi kemajuan dan membuat tindakan susulan ke atas projek-projek yang dilaksanakan.

#### 2. Keanggotaan Jawatankuasa.

- i. Pegawai Daerah.
- ii. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri.
- iii. Pegawai Kemajuan Negeri.
- iv. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- v. Jabatan Pertanian Negeri.
- vi. Jabatan Kerja Raya.
- vii. Jabatan Tanah dan Galian.
- viii. Jabatan Pengairan dan Saliran.
- ix. Jabatan Kemajuan Masyarakat.
- x. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.
- xi. Jabatan Penerangan Negeri.
- xii. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri.
- xiii. KESBAN.
- xiv. Agensi lain yang terlibat.

### 5.5.2 Agensi Peraksana

Peraksanaan cadangan Pelan Pembangunan PPD Klian Intan dipertanggungjawabkan kepada beberapa agensi yang berkaitan. (Rujuk Jadual 14).

**Jadual 14: Peraksanaan Pembangunan PPD Klian Intan**

Pembangunan	Agensi Terlibat
1. Perumahan	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah, KESBAN, FELCR
2. Kemudahan Masyarakat (Klinik Desa, Balai Bomba, Balai Polis, Pejabat Pos, Dewan Orang Ramai, Perpustakaan, Mini Kompleks Sukan Masjid, Surau)	Pejabat Daerah, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Jabatan Polis, Pos Malaysia
3. Utiliti (Bekalan Elektrik, Bekalan Air dan Telefon)	KPLB, TNB, STM, LAP
4. Jalan	KPLB, Pejabat Daerah, Jabatan Kerja Raya
5. Perusahaan Luar Bandar	KPLB, KEMAS, Pejabat Daerah, MARA
6. Kemudahan Perniagaan (Kedai, Pasar, Gerai, Stesen Minyak, Stesen Bas/Teksi)	Pejabat Daerah, MARA, PKNP,
7. Pembangunan Masyarakat (Kursus latihan dan bimbingan kemahiran)	Jabatan Pertanian Negeri, KEMAS

### 5.5.3 Anggaran Kos Pembangunan

Anggaran kos pembangunan adalah hanya merupakan anggaran kasar yang meliputi kerja-kerja ukur perimeter, kerja-kerja tanah dan kos bangunan. Manakala kos terperinci infrastruktur dari segi sistem jalan, bekalan air dan bekalan elektrik akan disediakan oleh jabatan-jabatan teknikal berkaitan.

Jumlah keseluruhan anggaran kos pembangunan PPD Klian Intan adalah RM 18.90 juta. Daripada jumlah ini pembangunan infrastruktur Pusat Perkhidmatan dan Industri Luar Bandar sejumlah RM 2.72 juta akan dibiayai oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kos pembangunan perumahan di bawah program PPRT akan dibiayai oleh kerajaan persekutuan, manakala kos pembangunan perumahan biasa bagi penduduk-penduduk yang terlibat dengan penempatan semula dicadang diperolehi dari kerajaan negeri dan dari KESBAN.

Peruntukan dari agensi-agensi pelaksana adalah diperlukan bagi pembangunan kemudahan-kemudahan masyarakat yang berkaitan.

Jadual 15 : Anggaran Kos Pembangunan PPD Klian Intan

Fasa I - Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 - 2000)	Pusat Perkhidmatan		Industri Luar-Bandar		Kawasan Perumahan		Jumlah (RM)	Catatan
	Luas Unit	Kos (RM)	Luas Unit	Kos (RM)	Luas Unit	Kos (RM)		
1. Kerja Ukur Perimeter	-	3,100	-	1,100	-	5,000	9,200	
2. Kerja-kerja tanah (pembersihan dan tambun tanah)	18.64 ek.	74,560	2.35 ek.	9,400	39.5 ek.	158,000	241,960	
3. Kos Bangunan								
o. Industri Luar Bandar			50,400 ka <sup>a</sup>	1,008 j.			1,008 j.	
o. Perumahan (PPRT)					238	RB-5.275j. PPRT-78,000	5.353	212 - Rumah Biasa (RB) 26 - PPRT
o. Kedai	13	312,000					312,000	
o. Pencawang elektrik	1	150,000					150,000	
o. Tangki Air	1	100,000					100,000	
Jumlah Kecil							7,174,160	

sambungan

Jadual 15 : Anggaran Kos Pembangunan PPD Klian Intan

Fasa II - Rancangan Malaysia Kelapan (2001 - 2005)	Pusat Perkhidmatan		Industri Luar-Bandar		Kawasan Perumahan		Jumlah (RM)
	Luas/Unit	Kos (RM)	Luas/Unit	Kos (RM)	Luas/Unit	Kos (RM)	
1. Kerja-kerja tanah (pembersihan dan tambun tanah)	46 ek.	184,000	4.8 ek.	19,200	52 ek.	208,000	411,200
3. Kos Bangunan							
o. Industri Luar Bandar			110,400 ka <sup>2</sup>	2.208 j			2.208j.
o. Perumahan (Biasa)					352	8.800 j.	8.800j.
o. Kedai	13 unit	312,000					312,000
o. Pencawang elektrik							
o. Tangki Air							
Jumlah Kecil							11,731,200
Jumlah Besar							18,905,360

Catatan: Kos terperinci bagi sistem jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik dan kemudahan telefon akan disediakan oleh Jabatan-jabatan teknikal berkaitan

## 6.0 PENUTUP

---

Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan, salah satu daripada tiga tapak alternatif PPD yang dicadangkan akan dipilih bergantung kepada kajian yang akan dibuat oleh pihak TNB dan Lembaga Air Perak (LAP) mengenai tahap keupayaan dan isipadu sumber bekalan air dan letrik di kawasan berkenaan. Sumber bekalan tersebut amat penting untuk memulakan pembangunan industri perkilangan di sekitar bandar Pengkalan Hulu.

Kebaikan dan keburukan ketiga-tiga tapak alternatif akan diterangkan seperti mana berikut:-

### 1. Kampung Simpang Pulai

#### Kebaikan:

- i Adanya kemudahan-kemudahan masyarakat di Kg. Simpang Pulai dan bandar Pengkalan Hulu akan mengurangkan kos pembangunan kemudahan masyarakat dan mempercepatkan proses pembangunan tapak PPD.
- ii Dari segi pelaburan, lokasi kampung ini adalah lebih sesuai untuk pembangunan industri yang boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk mukim Pengkalan Hulu.
- iii Sistem perhubungan dan "accessibility" dengan kawasan industri di negeri Kedah boleh menarik masuk beberapa industri ke Pengkalan Hulu.
- iv Kedudukan kampung yang berdekatan dengan bandar Pengkalan Hulu boleh memudahkan sistem pengagihan pemasaran barangan ke Pengkalan Hulu.

#### Keburukan:

- i Hakmilik tanah di kampung ini adalah tanah bermilik, dan ini adalah menyulitkan proses pengambilan balik tanah.
- ii Dari segi lokasi, kampung ini yang terletak berhampiran kawasan bandar Pengkalan Hulu adalah tidak menepati dengan konsep pembentukan PPD.

### 2. Pusat Perkhidmatan Felda Lepang Nenering

#### Kebaikan:

- i Memberi kebaikan kepada peneroka-peneroka Felda kerana ia dapat memesatkan lagi pembangunan ekonomi dan sosial penempatan Felda.



- ii Kemudahan-kemudahan masyarakat sedia ada seperti sekolah rendah, balai polis, dewan orang ramai dan pusat perkhidmatan akan dapat mengurangkan kos pembinaan kemudahan dan infrastruktur di dalam tapak PPD.

**Keburukan:**

- i Jalan utama dari Grik ke Felda Leping Nenering dan Pengkalan Hulu akan menjadi kurang penting dengan siapnya jalan utama (baru) dari Grik ke Pengkalan Hulu melalui Klian Intan. Ini boleh memberi kesan negatif kepada kepesatan dan perkembangan tapak PPD.
- ii Kedudukan Felda Leping Nenering yang jauh daripada bandar Pengkalan Hulu mengurangkan daya tarikan pengusaha atau pihak swasta untuk memulakan aktiviti industri dan perdagangan di tapak tersebut.

**Kampung Kuak Hulu (kampung asal)**

**Kebaikan:**

- i Kemudahan-kemudahan awam sedia ada seperti masjid, sekolah rendah kebangsaan dan dewan orang ramai akan mengurangkan kos pembangunan kelak.

**Keburukan:**

- i Kampung ini terpencil dan terletak di dalam rizab tadahan air dan boleh memberi kesan pencemaran kepada sumber bekalan air sekiranya industri dibangunkan di kampung tersebut.
- ii Keadaan topografi yang tinggi dan curam, dan tiada kawasan yang landai dan jalan masuk (access).

Kesimpulannya, satu kajian susulan perlu dilakukan untuk membuat pilihan di antara tiga tapak alternatif di atas dan seterusnya menyediakan pelan pembangunan baru. Di samping itu peruntukan baru untuk menjalankan kajian tersebut perlu disediakan.